



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI DALAM PENGUASAAN ISM  
AL-FĀ'IL DAN ISM AL-MAF'ŪL DALAM KALANGAN PELAJAR  
PRAUNIVERSITI***

**BAHIYAH A. TALIP**

**FBMK 2017 35**



PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI DALAM PENGUASAAN  
*Ism AL-FĀ’IL DAN Ism AL-MAF’ŪL DALAM KALANGAN*  
PELAJAR PRAUNIVERSITI



Oleh  
BAHIYAH BINTI A. TALIP

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah

April 2017

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI DALAM PENGUASAAN *Ism AL-FĀ’IL* DAN *Ism AL-MAF’ŪL* DALAM KALANGAN PELAJAR PRAUNIVERSITI**

Oleh

**BAHIYAH BINTI A. TALIP**

April 2017

**Pengerusi : Profesor Madya Abd Rauf bin Hassan, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

*Ism al-fā’il* (IF) dan *ism al-maf’ūl* (IM) merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam morfologi Arab. IF dan IM merupakan dua kata nama sifat yang menunjukkan pelaku dan objek. Sungguhpun begitu tidak semua penuntut bahasa dapat menguasai pembentukan keuda-dua kata sifat ini. Apatah lagi jika kata sifat ini dibentuk daripada kata kerja berasaskan huruf ‘illah. Kebanyakan pelajar masih lagi keliru dalam membentuk pola IF dan IM secara dalam perkataan dan juga dalam ayat. Ketidakpenguasaan pembentukan IF dan IM ada berkait rapat dengan penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB). Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemampuan pelajar-pelajar Pra-U dalam membentuk pola IF dan IM daripada kata kerja *mu’tal* secara dalam perkataan dan kemampuan mereka mengaplikasikan pola IF dan IM dalam ayat. Seterusnya, kajian ini menganalisis strategi memori yang digunakan oleh pelajar Pra-U ketika membentuk dan menggunakan pola IF dan IM daripada kata kerja *mu’tal* secara dalam perkatan dan dalam ayat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kajian kes dengan menggunakan ujian bertulis, soal selidik yang diadaptasi daripada *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL) Oxford (1990) serta temubual bagi memperoleh data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa responden masih kurang menguasai pembentukan IF dan IM bagi kata kerja jenis *nāqis* dan *ajwaf* yang secara tidak langsung memberi kesan kepada kurangnya penguasaan dalam pembentukan IF dan IM bagi kata kerja jenis *laṭif mafrūq* dan *laṭif maqrūn*. Responden kajian juga masih kurang menguasai pembentukan IF dan IM di dalam ayat kesan daripada kurangnya penguasaan dalam ‘irab. Selain itu, penggunaan strategi memori dalam kalangan responden secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana semasa membentuk dan menggunakan pola IF dan IM. Kajian mendapati responden hanya cenderung menggunakan

substrategi membuat perkaitan/menghurai. Manakala strategi mekanikal tidak diaplikasikan langsung oleh mereka.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**THE USE OF MEMORY STRATEGIES IN MASTERING *Ism AL-FA'IL*  
AND *Ism AL-MAF'UL* AMONG PREUNIVERSITY STUDENTS**

By

**BAHIYAH BINTI A. TALIP**

April 2017

**Chairman : Associate Professor Abd Rauf bin Hassan, PhD  
Faculty : Modern Languages and Communication**

*ism al-fā'il* (IF) and *ism al-maf'ul* (IM) is one of the elements found in Arabic morphology. IF and IM are the two adjectives that show actors and objects. However, not all students can master the creation of second language-the two adjectives especially if this adjective formed from the verb based on a 'illah letters. Most of the students are still confused in shaping IF and IM in words and also in verse. The lack of control in the formation of IF and IM in association with the use of Language Learning Strategies (SPB). Therefore, this study aimed to identify the level of proficiency of students Pre-U in the form of IF and IM-based 'illah letters in the word and in the sentence. The study also analysed the strategies applied by the memory of students Pre-U when patterning IF and IM-based 'illah letters is in the words and in sentences.

This study used a qualitative approach with case study makes answering techniques of training, the questionnaire was adapted from Strategy Inventory for Language Learning (SILL) Oxford (1990) and interviews to obtain data. The study found that participants in the study respondents are still less master IF and IM formation of the verb of *nāqis* and *ajwaf* which indirectly affects the lack of proficiency in the formation of IF and IM for verb type *laffīf mafrūq* and *laffīf maqrūn*. Respondents are still lacking dominates the IF and IM in paragraph impression of a lack of mastery in *'irab*. In addition, the use of memory strategies among respondents as a whole is at a moderate level while forming IF and IM. The study found respondents only tend to use sub strategy in making connections / parse. Mechanical strategy while not applied directly by respondents.

## **PENGHARGAAN**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang Segala puji hanya bagi Allah Yang Maha Bijaksana dan juga selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad (S.A.W).

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Dr Abd. Rauf bin Tan Sri Haji Hassan dan Profesor Madya Dr Radiah binti Mezah atas tunjuk ajar dan bimbingan yang tidak berbelah bagi dalam melangkapkan tesis ini, Tanpa bimbingan mereka nescaya tesis ini sukar untuk disempurnakan.

Segunung terima kasih buat suami Nordin bin Isnin, ibu Zaharah @ Rohani binti Ya'amat serta adik Bakhreza binti A.Talip yang sentiasa memberi semangat sepanjang proses penulisan tesis ini. Teristimewa buat anak-anak Muhammad Haikal, Hana Najibah, Hannan Najihah, Muhammad Hafiy dan Haifa Nabilah. Kalian buah hati Ummi dan pembakar semangat Ummi sepanjang perjalanan ilmu ini.

Seterusnya jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan pihak Pusat Pengajian Siswazah yang banyak membantu sepanjang sesi pengajian di Universiti Putra Malaysia sehingga sempurnanya tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 13 April 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Bahiyah binti A. Talip bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penggunaan Strategi Memori dalam Penguasaan *Ism Al-FĀ'il* dan *Ism Al-MafŪ'l* dalam Kalangan Pelajar Prauniversiti" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Muhd Zulkifli bin Ismail, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ab Halim bin Mohamed, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd. Zaki bin Abd. Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 4 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Abd Rauf bin Hassan, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Che Radiah binti Mezah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan ) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Bahiyah Binti A. Talip , GS39064

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Abd Rauf bin Hassan

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Che Radiah binti Mezah

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN PERKATAAN</b>	xvii
<b>TRANSLITERASI HURUF ARAB</b>	xviii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.7.1 Pemilihan IF dan IM	7
1.7.2 Pemilihan Perkataan	8
1.7.3 Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa	8
1.7.4 Pemilihan Strategi Memori	8
1.7.5 Pemilihan Sekolah	8
1.7.6 Pemilihan Responden	8
1.8 Definisi Istilah	8
1.8.1 Penggunaan	9
1.8.2 Strategi memori	9
1.8.3 Penguasaan	9
1.8.4 IF	9
1.8.5 IM	9
1.8.6 Pelajar Pra-U	9
1.9 Metodologi	10
1.10 Kesimpulan	10
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Definisi Morfologi dan Kajian Berkaitan Dengannya	11
2.3 <i>Ism al-Fā'il</i> (IF)	14
2.3.1 Definisi IF	15
2.3.2 Pola IF	16
2.4 <i>Ism al-Mafūl</i> (IM)	18
2.4.1 Definisi IM	18

2.4.2	Pola IM	20
2.5	Bentuk Pola IF dan IM Daripada Kata Kerja <i>Mu'tal</i>	23
2.6	Definisi Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dan Kepentingannya Dalam Pembelajaran Bahasa Arab	33
2.7	Klasifikasi SPB Oxford	36
2.8	Strategi Memori	37
2.9	Kesimpulan	44
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>45</b>
3.1	Pengenalan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	45
3.3	Responden	45
3.4	Lokasi Kajian	45
3.5	Jenis Kata Kerja	46
3.6	Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)	47
3.7	Pemilihan Strategi Pembelajaran Secara Memori	47
3.8	Kerangka Kajian	47
3.9	Instrumen Kajian	48
3.9.1	Ujian bertulis	48
3.9.2	Soal selidik	49
3.10	Spesifikasi Penguasaan IF dan IM	49
3.11	Justifikasi Penguasaan IF dan IM	50
3.12	Spesifikasi Kaedah Menganalisis Data Penggunaan Strategi Memori Dalam Pembentukan IF dan IM	50
3.13	Kajian Rintis	51
3.14	Kesahan Instrumen	51
3.15	Prosedur Kajian	51
3.16	Etika Kajian	54
3.17	Kesimpulan	55
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAPATAN</b>	<b>56</b>
4.1	Mengenal pasti tahap kemampuan pelajar Pra-U dalam membentuk pola IF dan IM daripada kata kerja <i>mu'tal</i> dalam perkataan	56
4.2	Menjelaskan tahap kemampuan pelajar Pra-U mengaplikasikan bentuk pola IF dan IM daripada kata kerja <i>mu'tal</i> dalam ayat	66
4.3	Menganalisis strategi memori yang diaplikasikan oleh pelajar Pra-U ketikan membentuk dan mengaplikasi pola IF dan IM daripada kata kerja <i>mu'tal</i> dalam perkataan dan dalam ayat	69
4.4	Kesimpulan	80
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>81</b>
5.1	Pendahuluan	81
5.2	Rumusan	81
5.2.1	Rumusan Umum	81
5.2.2	Rumusan Berdasarkan Objektif Kajian	82
5.3	Cadangan Tindakan	85

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	86
<b>BIBLIOGRAFI</b>	88
<b>LAMPIRAN</b>	93
<b>BIODATA PELAJAR</b>	101



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
2.1 IF bagi pola kata kerja lebih tiga huruf	17
2.2 IM bagi kata kerja tiga huruf daripada jenis <i>mithāl</i>	21
2.3 IM bagi kata kerja tiga huruf daripada jenis <i>nāqis</i>	22
2.4 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَفْعُلُ</b>	24
2.5 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَبْعُلُ</b>	24
2.6 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَبْعُلُ</b>	25
2.7 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَبْعُلُ</b>	25
2.8 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَفْعُلُ</b>	26
2.9 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> tiga huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَفْعُلُ</b>	26
2.10 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> empat huruf dengan pola kata kerja <b>فَعْلٌ-يَفْعَلُ</b>	27
2.11 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> empat huruf dengan pola kata kerja <b>فَاعْلٌ-يَفَاعِلُ</b>	27
2.12 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> empat huruf dengan pola kata kerja <b>أَفْعَلٌ-يَافْعُلُ</b>	28
2.13 IF dan IM kata kerja <i>mu'tal</i> lima huruf dengan pola kata kerja <b>تَفَاعِلٌ-يَتَفَاعِلُ</b>	29
2.14 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> lima huruf dengan pola kata kerja <b>أَفْتَعِلٌ-يَافْتَعِلُ</b>	29
2.15 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> lima huruf dengan pola kata kerja <b>تَفَعِلٌ-يَتَفَعِلُ</b>	30
2.16 IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> lima huruf dengan pola kata kerja <b>يَنْفَعِلٌ-إِنْفَعِلُ</b>	30

2.17	IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> lima huruf dengan pola kata kerja أَفْعَلُ - يَأْفَعُلُ	31
2.18	IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> enam huruf dengan pola kata kerja اَسْنَفَعَلُ - يَسْنَفَعُلُ	31
2.19	IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> enam huruf dengan pola kata kerja أَفْعَلَ - يَأْفَعُلُ	32
2.20	IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> enam huruf dengan pola kata kerja يَفَعَوْلُ - اَفْعَوْلُ	32
2.21	IF dan IM bagi kata kerja <i>mu'tal</i> enam huruf dengan pola kata kerja أَفْحَوْلُ - يَفَحَوْلُ	33
3.1	Skala penguasaan dalam pembentukan IF dan IM Berdasarkan peratus peserta yang menjawab dengan tepat	50
3.2	Tarikh dan tempoh masa temubual dengan responden	54
4.1	Peratus responden yang membentuk IF daripada kata kerja jenis <i>mithāl</i> dengan tepat	57
4.2	Peratus responden yang membentuk IF daripada kata kerja jenis <i>ajwaf</i> dengan tepat	58
4.3	Peratus responden yang membentuk IF daripada kata kerja jenis <i>nāqis</i> dengan tepat	59
4.4	Peratus responden yang membentuk IF daripada kata kerja jenis <i>lafif maqrūn</i> dengan tepat	60
4.5	Peratus responden yang membentuk IF daripada kata kerja jenis <i>lafif mafrūq</i> dengan tepat	61
4.6	Peratus responden yang membentuk IM daripada kata kerja jenis <i>mithāl</i> dengan tepat	62
4.7	Peratus responden yang membentuk IM daripada kata kerja jenis <i>ajwaf</i> dengan tepat	63
4.8	Peratus responden yang membentuk IM daripada kata kerja jenis <i>nāqis</i> dengan tepat	64
4.9	Peratus responden yang membentuk IM daripada kata kerja jenis <i>lafif maqrūn</i> dengan tepat	65

4.10	Peratus responden yang membentuk IM daripada kata kerja jenis <i>lafif mafrūq</i> dengan tepat	66
4.11	Peratus responden yang mengaplikasi pola IF dengan tepat Berdasarkan kedudukan dalam ayat	67
4.12	Peratus responden yang mengaplikasi pola IM dengan tepat Berdasarkan kedudukan dalam ayat	68
4.13	Taburan bilangan responden yang menjawab soalan soal selidik strategi memori berdasarkan skala likert yang diberikan	71




## **SENARAI GAMBARAJAH**

<b>Gambarajah</b>		<b>Muka surat</b>
2.1	Pola IF	18
2.2	Pola IM	23
2.3	Menunjukkan klasifikasi strategi memori Oxford (1990)	39
3.1	Kerangka Kajian	48
4.1	Pecahan substrategi dan strategi bagi strategi memori Oxford (1990)	70

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>Lampiran</b>		<b>Muka surat</b>
1	Set soalan latihan bertulis	93
2	Set soalan soal selidik Strategi Memori	99



## **SENARAI SINGKATAN PERKATAAN**

et al.	Dan pengarang-pengarang lain
IF	<i>Ism al-Fa'il</i>
IM	<i>Ism al-Maf'ul</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KAAs	Kelas Aliran Agama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PK	Peserta Kajian
Pra-U	Pra Universiti
SBPI	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi
SILL	Strategy Inventory for Language Learning
SMADKP	Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra Maamor
SMAP	Sekolah Menengah Agama Persekutuan
SMAPL	Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SP	Strategi Pembelajaran
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa

## TRANSLITERASI HURUF ARAB

### 1. KONSONAN

Terdapat 29 huruf dalam abjad tulisan Arab yang disebut *al-aḥruf ‘al-hijā’iyah*. Semua huruf tersebut boleh ditransliterasi ke dalam huruf Latin, kecuali huruf ء yang ditransliterasikan kepada simbol koma terbalik(‘) dan huruf ؤ yang ditransliterasikan kepada koma atas ('). Huruf-huruf tersebut adalah seperti yang tersenarai dalam jadual yang berikut: (Muhammad Bukhari Lubis&Ali Haji Ahmad, 2006)

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	-	ظ	ż
ب	b	ع	'
ت	t	غ	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ح	b	ك	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	dh	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	هـ	h
س	s	ء	,
شـ	sh	يـ	y
صـ	ş	ةـ	ť
ضـ	đ		
طـ	T		

## 2. DIFTONG DAN VOKAL

Di samping diftong, terdapat dua jenis vokal, iaitu vokal pendek dan vokal panjang seperti yang disenaraikan dalam jadual yang berikut: (Muhammad Bukhari Lubis&Ali Haji Ahmad, 2006)

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
a	ā	Ay
ī	ī	Aw
u	ū	

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan juga bahasa ahli syurga. Mempelajari bahasa Arab bukan sahaja akan diberikan ganjaran pahala malahan dapat memperkayakan kemahiran berbahasa seseorang. Bahasa Arab juga sudah semakin meluas penggunaannya dan tidak hanya menjadi bahasa ibadat bahkan telah menjadi bahasa pertuturan di dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pelancongan, dan sebagainya. Sungguhpun begitu, dalam menguasai bahasa Arab seseorang penuntut mestilah mempelajari kaedah bahasa Arab seperti morfologi, sintaksis, kosa kata dan semantik. Ketepatan frasa dan ayat bahasa Arab bergantung kepada ketepatan dalam membentuk satu-satu perkataan bagi menghuraikan satu makna leksikal yang tepat bagi sesuatu frasa atau ayat. Salah satu aspek bahasa yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh para pelajar ialah morfologi.

Morfologi merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Unit bahasa yang menjadi unsur perkataan disebut morfem. Morfem ialah unit terkecil dalam bahasa yang mempunyai fungsi gramatis atau yang menjalankan tugas nahu. Proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa ialah proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi bahasa itu. Dalam kebanyakan bahasa, proses pembentukan perkataan melibatkan pengimbuhan (Nik Safiah Karim et.al, 2013).

Dalam bahasa Arab ilmu morfologi dikenali sebagai ‘ilm al-ṣarf’ (علم الصرف).

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keutamaan bagi penuntut ilmu bahasa untuk mempelajari ilmu morfologi kerana ilmu ini dianggap sebagai satu permulaan dalam bidang tatabahasa (Abdul Jalil, 1998). Pernyataan Abdul Jalil ini disokong oleh al-Māzinī (1954) di dalam kitab beliau *al-Munsif*:

(أَنَّكَ تَكَادُ لَا تَجِدُ كِتَابًا فِي النَّحْوِ إِلَّا وَالثَّصْرِيفُ فِي آخِرِهِ... فَالثَّصْرِيفُ إِنَّمَا هُوَ لِمَعْرِفَةِ أَنْفُسِ الْكَلِمِ التَّالِيَةِ، وَالنَّحْوُ إِنَّمَا هُوَ لِمَعْرِفَةِ أَحْوَالِهِ الْمُتَنَقِّلَةِ).

Kenyataan *al-Māzinī* di atas menjelaskan bahawa tidak ada sebarang kitab nahu melainkan di akhirnya *tasrif* iaitu morfologi. *Tasrif* memainkan peranan

dalam mengetahui ketepatan isi perkataan, manakala nahu pula merupakan ilmu yang menjelaskan perubahan ayat.

Menurut al-Hāfidz, *'ilm al-sarf* merupakan satu bidang ilmu yang menjelaskan hukum perkataan bahasa Arab yang tertumpu kepada pembentukan, konjugasi (Abd.Rauf & Muhd Azidan, 2002) dan derivasinya. Ilmu ini juga membincangkan pengekalan atau perubahan huruf serta pembentukan perkataan *ṣahih* dan *mu'tal*. Selain itu, *'ilm al-ṣarf* juga merupakan ilmu yang menerangkan perubahan yang berlaku dalam struktur perkataan untuk tujuan fonetik seperti *al-'ilāl*, *al-ibdāl* dan *al-idghām* serta menerangkan maksud perkataan yang membawa kepada kepelbagaiannya makna (al-Hāfidz,2009; Qabāwah,1994).

Sehubungan itu, morfologi merupakan satu bidang ilmu yang berperanan memperkayakan bahasa dengan wujudnya pelbagai kosa kata dan derivasi. Kepelbagaiannya kosa kata dan derivasi ini akan menghasilkan makna yang berbeza seperti kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini, *ism al-fā'il* (IF), *ism al-maf'ūl* (IM), serta *al-muthannā* (Qabāwah,1994).

Bertitik tolak daripada keperluan mempelajari dan menguasai ilmu morfologi, maka satu kajian akan dijalankan terhadap dua tajuk kecil di bawah ilmu morfologi iaitu IF dan IM. IF dan IM dipilih sebagai subjek kajian adalah kerana kedua-dua kata sifat ini merupakan salah satu daripada tajuk morfologi yang dimasukkan ke dalam sukanan mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah mulai tingkatan empat sehingga ke peringkat Pra-U (tingkatan enam).

Perlu dijelaskan dalam kajian ini bahawa bagi bahasa Arab Pra-U tajuk IF dan IM diletakkan di bawah bidang morfologi fungsian.

Walaupun IF dan IM telah diajar di sekolah menengah, akan tetapi apabila melibatkan huruf *'illah*, ia masih lagi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar semasa membentuk kedua-dua kata sifat ini. Kekeliruan ini berlaku disebabkan oleh apabila terdapatnya huruf *'illah* dalam kata kerja asal, apabila dibentuk menjadi IF dan IM akan menyebabkan struktur huruf dalam sesuatu perkataan berubah. Contohnya kata kerja قَالْ merupakan kata kerja jenis *ajwaf*. Apabila diubah menjadi IF akan menjadi قَائِلْ dan IM menjadi مُقْوِلْ. Perubahan bentuk seperti inilah yang sering mengelirukan pelajar. Keadaan ini berlaku kerana kaedah asal IM adalah مُقْعِلْ. Dalam keadaan ini pelajar mungkin akan terkeliru sama ada IM bagi perkataan قَالْ، مُقْوِلْ ataupun مُقْعِلْ ?

Sehubungan itu, kajian ini akan mengkaji penguasaan pelajar Pra-U ke atas pembentukan IF dan IM secara dalam perkataan dan juga dalam ayat. Selain itu kajian ini juga berusaha untuk mengenal pasti bagaimana pengaplikasian strategi memori dalam pembentukan dan penggunaan IF dan IM secara dalam perkataan dan di dalam ayat oleh pelajar-pelajar Pra-U.

Strategi memori merupakan salah satu daripada strategi pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran bahasa kedua. Menurut Rosamond & Florence (1998) bahasa kedua merupakan segala jenis bahasa selain daripada ‘bahasa ibunda’. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai jenis strategi pembelajaran yang telah diketengahkan oleh para sarjana bagi mengkaji kaedah yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Antara strategi pembelajaran yang diketengahkan ialah strategi kognitif, strategi memori, strategi tumpungan dan strategi metakognitif yang melibat emosi dan motivasi pelajar.

Pemilihan strategi memori dalam kajian ini dibuat adalah kerana keperluan kepada pemahaman dan praktis strategi pembelajaran semakin meningkat terutamanya kepada para guru bagi mencari satu kaedah yang sesuai dalam pembelajaran bahasa terutamanya bahasa kedua antaranya strategi memori. Strategi memori ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini berikutan dua kata sifat IF dan IM ini tidak asing dalam kalangan pelajar Pra-U kerana mereka telah mempelajarinya semasa di tingkatan 4 dan 5.

Oleh yang demikian kajian akan mengkaji dua bidang ilmu iaitu morfologi dengan fokus kajian kepada IF dan IM, dan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dengan memberi fokus kepada strategi memori sahaja di bawah tajuk penguasaan *ism al-fa'il* dan *ism al-maf'ul* dalam kalangan pelajar melalui strategi memori.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran wajib dipelajari oleh semua pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), dan Kelas Aliran Agama (KAA).

Pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah agama ini bermula sejak dari tingkatan satu sehingga ke Pra-U. Pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah ini mencakupi pelbagai topik seperti kefahaman, karangan, dan tatabahasa. Manakala topik seperti balaghah dan morfologi pula diajar mulai dari tingkatan empat sehingga ke Pra-U.

Bagi tatabahasa, topik ini diajar mulai dari tingkatan satu secara seiring dengan pemahaman teks. Tidak terdapat mata pelajaran khusus bagi sintaksis dan morfologi Arab. Topik berkaitan morfologi seperti *al-mīzān al-ṣarīf*, *fi‘il al-sahīh* dan *mu‘tal* serta *al-mujarrad* dan *al-mazīd* tidak diajar di peringkat menengah rendah (tingkatan 1, 2 dan 3). Topik-topik morfologi hanya mula dimasukkan ke dalam sukanan pelajaran tingkatan 4 dan 5 yang mencakupi topik - topik *Ism al-mujarrad wa al-mazīd*, *ism al-jāmid wa al-mushtaq*, *ism al-fā‘il*, *ism al-maf‘ul*, *ism al-makān wa ism al-zamān*, *ism al-ālat*, *al-fi‘il al-thulāthiy al-mazīd*, *al-maqṣūr*, *al-manqūs* dan *al-mamdu‘* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Manakala di peringkat Pra-U topik morfologi dimasukkan ke dalam sukanan pelajaran secara khusus di bawah morfologi fungsian. Tajuk-tajuk yang terkandung di bawah morfologi fungsian ialah *tasrif*, *al-fi‘il*, *al-ism al-jāmid*, *al-ism al-mushtaq*, *al-mīzān al-sarīf*, *al-muthannā*, *al-Jamak*, *al-nisbah*, *al-sahīh wa al-mu‘tal* (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2013).

Berdasarkan kepada sukanan pelajaran bahasa Arab tingkatan 4 dan 5 serta sukanan pelajaran Pra-U menunjukkan bahawa para pelajar telah mempelajari morfologi Arab. Sehubungan itu, kajian ini akan mengkaji penguasaan pelajar bagi dua topik kecil di bawah morfologi fungsian yang terdapat di dalam sukanan pelajaran Pra-U iaitu IF dan IM melalui strategi memori.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Penguasaan dalam morfologi sangat penting bagi pelajar bahasa, ini adalah kerana seseorang pelajar bahasa tidak akan dapat memahami peranan tatabahasa bagi sesuatu perkataan di dalam ayat melainkan dia mengetahui struktur morfologi bagi perkataan tersebut (al-Rājihī,t.th). Morfologi merupakan satu bidang ilmu yang membahaskan struktur dalaman sesuatu kata (D.Sims&Haspelmath,2010) seperti IF dan IM. Contoh ayat yang menggunakan IM ialah :

القطُّ مَضْرُوبٌ بِالعَصَبَةِ

Kucing itu **dipukul** dengan tongkat

Bagi memahami maksud perkataan bergaris di atas pelajar bahasa mestilah menguasai struktur morfologi bagi perkataan tersebut sama ada IM atau IF. Oleh yang demikian, pembentukan dan penggunaan IF dan IM yang sesuai dan tepat di dalam ayat merupakan sesuatu yang agak sukar mencabar keupayaan penuntut bahasa terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kebanyakan pelajar agak kurang berkebolehan untuk membezakan antara kata nama pelaku iaitu IF dan kata nama objek iaitu IM. Keadaan ini berlaku disebabkan Bahasa Arab mempunyai terlalu banyak

pecahan kata (Ramlie,2000). Kesukaran ini semakin bertambah apabila IF dan IM dibentuk daripada kata kerja yang berasaskan huruf *illah*. Contoh seperti kata kerja jenis *nāqis* ini iaitu *رَمِيَّ* apabila dibentuk menjadi IF akan menjadi *رَمِيَّ* (Ibn Mandzūr,1995). Huruf *'illah* di akhir kata kerja digugurkan. Perubahan struktur perkataan ini bertujuan untuk memudahkan sebutan (Al-Dahdah,1999). Dalam keadaan ini pelajar mungkin akan keliru sama ada mengekalkan huruf *ya'* atau menggugurkannya. Pelajar mungkin membentuk IF mengikut pola asal IF iaitu *رَامِيٌّ*.

Kekeliruan dan ketidakpenguasaan pelajar dalam membentuk IF dan IM daripada kata kerja berasaskan huruf *'illah* berkait rapat dengan SPB yang mereka gunakan. SPB sangat penting dalam pembelajaran bahasa kedua .Ini adalah kerana salah satu penyebab kelemahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah kurangnya penggunaan strategi pembelajaran (Rosni.2014; Kamarul Shukri.2009; Anida.2003).

Pelbagai SPB telah diperkenalkan oleh para sarjana pendidikan seperti klasifikasi Oxford (1990), Cohen (1990) dan Wenden (1991) dalam usaha untuk meningkatkan tahap pembelajaran bahasa kedua. Antara SPB yang paling sesuai dengan kajian ini ialah klasifikasi SPB Oxford (1990) kerana klasifikasi beliau lebih tersusun dan mudah difahami. Walau bagaimanapun kajian ini hanya memilih strategi memori sahaja sebagai landasan kajian kerana IF dan IM merupakan dua kata nama sifat yang tidak asing dalam kalangan pelajar Pra-U kerana mereka telah mempelajari sejak dari tingkatan 4 serta merupakan salah satu topik yang terkandung dalam sukanan pelajaran STPM (Majlis Peperiksaan Malaysia,2012/2013). Pemilihan IF dan IM sebagai fokus kajian merujuk kepada pengelasan Sibawayh (1988) di dalam buku beliau *al-Kitāb* meletakkan IF dan IM dalam satu bab perbahasan.

Sehubungan itu, kajian ini akan mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Pra-U dalam membentuk pola IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* secara dalam perkataan serta menjelaskan tahap kemampuan mereka dalam mengaplikasikan pola IF dan IM dalam ayat. Berdasarkan tahap penguasaan pelajar pra-U dalam membentuk IF dan IM secara dalam perkataan dan di dalam ayat, kajian ini akan menggunakan strategi memori bagi menganalisis sejauh mana pelajar pra-U mengaplikasikan semua substrategi yang terkandung dalam strategi memori.

#### 1.4 Persoalan Kajian

- 1) Adakah pelajar Pra-U mampu membentuk pola IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* dalam perkataan?
- 2) Bagaimana pelajar Pra-U mengaplikasikan IF dan IM yang dibentuk daripada kata kerja *mu'tal* dalam ayat?

- 3) Adakah semua substrategi di dalam strategi memori digunakan oleh pelajar Pra-U semasa membentuk dan mengaplikasi pola IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* ?

## 1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti tahap kemampuan pelajar Pra-U membentuk pola IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* dalam perkataan
- 2) Menjelaskan tahap kemampuan pelajar Pra-U dalam mengaplikasikan IF dan IM yang dibentuk daripada kata kerja *mu'tal* dalam ayat.
- 3) Menganalisis substrategi di dalam strategi memori yang aplikasikan oleh pelajar Pra-U semasa membentuk dan mengaplikasi IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* dalam perkataan dan di dalam ayat.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) yang menawarkan kursus pengajaran bahasa Arab, para guru dan para pelajar. Kepentingan kajian ini kepada mereka dihuraikan seperti berikut:

### (i) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Hasil daripada kajian ini boleh digunakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan juga Bahagian Pendidikan Islam (BPI) untuk merangka satu pendekatan kepada guru-guru bahasa Arab yang berfokuskan kepada isi pengajaran. Ini adalah kerana bukan semua guru yang mengajar Bahasa Arab merupakan graduan pengkhususan Bahasa Arab. Oleh yang demikian, BPK dan BPI boleh menggunakan hasil kajian ini untuk merangka kursus – kursus jangka pendek dalam bentuk Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) atau Kursus Dalam Cuti (KDC) yang memfokuskan kepada kemahiran menggunakan IF dan IM yang tepat dalam pengajaran di dalam kelas terutamanya bagi guru-guru yang mengajar Pra-U. Hal ini dikatakan demikian, adalah kerana Pra-U merupakan asas penting bagi persediaan ke universiti.

### (ii) Institusi Pengajaran Tinggi (IPT)

Kajian ini boleh digunakan oleh Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) di bawah fakulti-fakulti yang berkaitan seperti Fakulti Bahasa dan Linguistik di Universiti Malaya, Fakulti Bahasa Moden di Universiti Putra Malaysia atau Fakulti Pengajaran Bahasa Utama di Universiti Sains Islam Malaysia untuk menyusun sukanan dan bahan pengajaran bahasa Arab untuk para siswazah yang menepati keperluan pendidikan negara. Menekankan pengajaran penggunaan IF dan IM dalam komunikasi dan penulisan pelajar. Penekanan

ini sangat penting supaya dapat melahirkan graduan yang mahir menggunakan kedua-dua kata sifat tersebut dengan tepat dan betul dalam konteks yang sesuai.

(iii) Para Guru

Hasil kajian ini sangat penting bagi para guru sendiri dalam mencari kaedah pengajaran dan modul yang bersesuaian dengan pelajar berdasarkan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembentukan dan penggunaan pola IF dan IM sama ada dalam perkataan ataupun di dalam ayat.

(iv) Para Pelajar

Apabila guru telah mengetahui dan memahami strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembentukan pola IF dan IM, maka akan memudahkan para guru mencari dan menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan kaedah pembelajaran pelajar. Kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai sangat penting supaya pelajar lebih memahami konsep dan kaedah yang betul serta tepat dalam pembentukan dan penggunaan pola IF dan IM. Maklumat yang tepat dan betul sangat penting kepada para pelajar yang merupakan golongan akar umbi dalam sistem pendidikan negara. Sekiranya pelajar menerima kaedah yang kurang tepat ia akan memberikan kesan kepada generasi yang akan datang. Hal ini dikatakan demikian adalah kerana di antara mereka ini juga ada yang akan menjadi pendidik pada masa akan datang.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada justifikasi berikut :

### 1.7.1 Pemilihan IF dan IM

IF dan IM dipilih sebagai topik kajian adalah kerana kedua-duanya merupakan salah satu topik yang terdapat dalam sukanan pelajaran Pra-U (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012/2013) dan sukanan pelajaran tingkatan satu hingga lima (KPM, 2009).

Selain itu Kajian ini memilih IF dan IM sebagai topik utama kajian adalah merujuk kepada Sibawayh dalam buku beliau *al-Kitāb* yang mana beliau tidak mengasingkan perbahasan IF dan IM di dalam bab yang berbeza. Tambahan pula soalan berkaitan IF dan IM merupakan antara soalan yang terdapat dalam peperiksaan STPM.

### **1.7.2 Pemilihan Perkataan**

Perkataan yang dipilih ialah kata kerja *mu’tal* daripada kata kerja tiga huruf, kata kerja empat huruf, kata kerja lima huruf dan kata kerja enam huruf sahaja.

### **1.7.3 Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa**

Kajian ini menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang telah dibangunkan oleh Oxford (1990). Oxford (1990) menjenamakan SPB yang dibangunkannya sebagai Klasifikasi Oxford (1990). Di bawah SPB Oxford ini, beliau telah memasukkan strategi memori sebagai salah satu strategi pembelajaran bahasa secara langsung dalam pembelajaran bahasa kedua.

### **1.7.4 Pemilihan Strategi Memori**

Strategi memori dipilih sebagai fokus kajian ini adalah kerana strategi ini merupakan salah satu SPB yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Lebih-lebih lagi topik IF dan IM telah dipelajari oleh responden sejak dari tingkatan lima lagi. Justeru itu para responden akan menggunakan strategi ini apabila mereka mempelajari topik ini semasa di Pra-U.

### **1.7.5 Pemilihan Sekolah**

Sekolah yang dipilih sebagai tempat kajian ialah sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan yang menawarkan Pra-U aliran Usuluddin dan Syariah. Bahasa Arab merupakan mata pelajaran wajib diambil oleh semua pelajar Pra-U. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu (SMAP Labu). SMAP Labu merupakan satu-satunya sekolah berasrama penuh berprestasi tinggi mempunyai kelas Pra-U di Negeri Sembilan.

### **1.7.6 Pemilihan Responden**

Seramai 10 orang pelajar akan dipilih sebagai responden. Mereka dipilih secara rawak tanpa melihat kepada gender.

## **1.8 Definisi Istilah**

Definisi istilah kajian ini diuraikan seperti berikut :-

### **1.8.1 Penggunaan**

Penggunaan bermaksud perihal menggunakan sesuatu yang melibatkan perbuatan, kegiatan dan lain lain (Kamus Dewan. 2002).

### **1.8.2 Strategi memori**

Strategi memori ini dikenali sebagai *mnemonic*. *Mnemonic* bermaksud meningkatkan ingatan. Manakala teknik *mnemonic* melibatkan melibatkan aktiviti fizikal iaitu dengan cara memindahkan bahan yang perlu dipelajari ke dalam bentuk yang lebih mudah untuk dipelajari dan diingati (Cohen,1990).

### **1.8.3 Penguasaan**

Penguasaan dibentuk dari kata dasar kuasa iaitu daya atau kemampuan untuk melakukan atau mengerjakan sesuatu. Manakala kata penguasaan menunjukkan perihal menguasai atau menguasakan (Kamus Dewan.2002).

### **1.8.4 IF**

IF bermaksud kata sifat yang diderivasikan daripada terbitan kata kerja yang boleh di boleh dikonjugasikan. Kata kerja tersebut mestilah kata kerja transitif aktif. IF menunjukkan orang yang melakukan perbuatan tersebut dalam konteks peristiwa dan tidak terikat dengan masa (Qabawah,1994). Antara contoh IF seperti عالم، كاتب، مُسْتَعِمر .

### **1.8.5 IM**

IM bermaksud kata sifat yang diderivasikan daripada terbitan kata kerja yang boleh dikonjugasikan (تصريف). Kata kerja tersebut terdiri daripada kata kerja transitif pasif (فعل المبني للمجهول). IM berperanan menunjukkan orang atau sesuatu yang terkesan dengan kata kerja tanpa melibat masa berlakunya sesuatu peristiwa (Qabawah,1994). Contoh IM ialah مشروب .

### **1.8.6 Pelajar Pra-U**

Bermaksud pelajar yang mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Sekarang mereka digelar pelajar pra-U adalah disebabkan sistem peperiksaan yang mengikut penggal (MPM, 2012/13) dan pemberian markah peperiksaan STPM menggunakan sistem Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP). NGMP ini mula digunakan mulai peperiksaan STPM tahun 2003 (Surat Pekeliling Perkhidmatan, 2005).

## **1.9 Metodologi**

Kajian ini menggunakan dua bentuk kaedah iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kaedah kajian lapangan.

Kajian kepustakaan akan menjelaskan definisi morfologi dan kepentingannya, Definisi IF dan IM serta polanya. Kajian ini juga menjelaskan definisi SPB dan SPB Oxford (1990). Selain itu, kajian ini juga mengemukakan beberapa kajian terdahulu yang telah dijalankan tentang SPB kedua, kajian bidang morfologi terutamanya yang berkaitan IF dan IM secara spesifik bagi mencari kelompongan di dalam kajian terdahulu yang boleh dijadikan bahan kajian.

Manakala kajian lapangan menggunakan kaedah kualitatif secara kajian kes di SMAP Labu sahaja.

Dari segi pelaksanaan, tiga bentuk kaedah kajian digunakan, iaitu ujian bertulis, soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik dalam *Strategy Inventory For Language Learning (SILL)* oleh Oxford (1990) serta temu bual secara individu.

Bagi ujian bertulis responden perlu menjawab item soalan yang diberikan. Ujian bertulis dan soal selidik dikendalikan oleh guru mata pelajaran Bahasa Arab dalam waktu pembelajaran dan pengajaran. Selepas ujian bertulis dijalankan, responden diminta menjawab soal selidik yang diedarkan bersama soalan latihan untuk melihat tahap penggunaan strategi memori dalam kalangan responden semasa menjawab soalan latihan IF dan IM. Setelah itu satu temu bual dengan responden dijalankan. Temu bual ini dijalankan untuk melihat dan menganalisis SPB Oxford (1990) secara memori yang digunakan oleh responden semasa menjawab ujian bertulis.

## **1.10 Kesimpulan**

Kajian ini menjurus kepada penggunaan strategi memori dalam menguasai IF dan IM daripada kata kerja *mu'tal* dari aspek pembentukan kata dalam perkataan serta penggunaannya di dalam ayat.

## BIBLIOGRAFI

### Bibliografi Bahasa Arab

#### *Al-Quran Al-Karim*

Abd. Halim Muhammad. (2011). *al-Tadrībāt al-Şarfiyah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Abdul Jalil. Abdul Qādir . (1998). ‘ilm al-Şarf al-Şautī. Arminah li al-Nashri wa al-Tauzi’.

Abdul Kadir bin Sulaiman. (2006). *al-ikhitlaf al-Şarfi fī al-Qirā'at al-'Ashr al-Mutawātirah: Dirāsah Tahlīliyah Şarfiyah wa Dalāliyah*. Master Thesis. Gombak-Selangor: Universiti Islam Antarabangsa. Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences.

Al-Asmar, Rājī. (1997). *al-Mu'jam al-Mufassal fī 'ilm al-Şarf*. Lubnan-Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiah.

Al-Dahdah. Anthony. (2004). *Mu'jam Tasrif al-af'āl al-'Arabiah* (A Dictionary of Arabic Verb Conjugation). Lubnan: Maktabah Lubnan Nāshirūn.

Al-Dalīmī.Taha Ali Husein & al-Wailī. Abdul Karim Abbas. (2005). *al-Lughah al-'Arabiah Manahijuhā wa Tharāiqu Tadrīsuhā*. Amman-Jordan: Dār al-Syuruq wa al-Tauzi’.

Al-Hāfidz. Yāsīn. (2009). *al-Tahlīl al-Şarfi*. ed. Sultānī.Muhammad Ali. Damsyik-Syria: Dār al-'Usāmā'.

Al-Hamdanī. Khadijah. (2011). *al-Masādir wa al-Mushtaqa fī Mu'jam Lisan al-'Arab*. Amman-Jordan: Dār Usāmah li al-Nashr wa al-Tauzī’.

Al-Hārithī. Nawwaf bin Jaza'. (2010). *al-Asma' al-'Āmilah 'Amal al-Fi'i Dirasah Nahwiyyah*. Madinah al-Munawwarah: Universiti Islam Madinah.

Āli Abdul Wahid. Usam Mustafā. (2006). *al-Mushtaqa al-'Āmilah fī al-Dars al-Nahwī*. Port Said-Mesir: Maktabah Thaqafah al-Diniah.

Al-Mu'jam al-Wāṣid. (1989). Jumhuriah Misr al-'Arabiah, majma' al-Lughah al-'Arabiah, al-Idārah al-'ilmiah li al-majma'at wa Ihya, al-Thurath.Istanbul-Turki: Dār al-Dakwah.

Al-Rājihī, Abduh. (t.th). *al-Tadbīq al-Şarfi*, Iskandariah: Dār al-Ma'rifah al-Jāmi'iyyah.

Al-Zamakhshary. Abi al-Qāsim Mahmud bin Umar. (1323H). *al-Mufassal fī 'ilm al-'Arabiah*. Mesir: Matba'ah al-Taqaddum bi Shari' Muhammad Ali.

Ibn 'Usfūr. al-Ashbīlī (669H). (1987). *al-Mumti' fī al-Taṣrīf*. Beirut-Lubnan: Dār al-Ma'rifah.

Ibn Hajib (570H-646H). (2011). *al-Kāfiyah*. Karachi-Pakistan: al-Bushra Publishers.

Ibn Hisham. Abi Muhammad Abdullah Jamaluddin al-Ansārī. (1994). *Audhahu al-Masālik ilā Alfiyah Ibn Malik*. Saida-Beirut: al-Maktabah al-'Asriah.

Ibn Mandzur. (1995). *Mu'jam Lisan al- 'Arab*. Beirut-Lubnan: Dār Ihya' al-Thurath al-'Arabī.

Ibn Qunbur. Amru bin Uthman. (1988). *al-Kitāb*. Kaherah: Maktabah al-Khanaji.

Mūqadah. Sameer Muhammad Aziz Namr. (2004). *Ism al-Fā'il fi al-Quran al-Karim: Dirāsat Sarfiyah Nahwiyyah Dilāliyah fi Dhaui al-Manhaj al-Waṣfī*. Tesis Sarjana Bahasa Arab dan Sastera. Neblus-Palestin: University al-Najah al-Wataniah.

Qabāwah, Fakhruddin. (1994). *Taṣrīf al-Asma' wa al-afāl*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif.

### Bibliografi Bahasa Inggeris

Achoui.Sana. Vocabulary Learning Strategies and Vocabulary Size of Pre-University ESL Learners at the International Islamic University Malaysia. (2013) Master thesis of Human Sciences (Teaching of English as a Second Language). Gombak :Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences IIUM.

Brown. H.Douglas & Abeywickrama.Priyanvada. (2010). Language Assessment Principles and Classroom Practices. USA: Pearson Longman.

Chamot. Anna Uhl.(2005). Language Learning Strategy Instruction: Current Issues and Research.Annual Review of Applied Linguistic (2005) 25.pp.112-130.USA: Cambridge University Press. Website: [www.academia.edu](http://www.academia.edu)

Chien Kuo Lee.(2010). An Overview of Language Learning Strategies. ARECLS.Vol.7, pp 132-152. Website: [research.ncl.ac.uk>volume 7>lee\\_vol 7](http://research.ncl.ac.uk/volume_7/lee_vol_7)

- Cohen. Andrew.D. *Language Learning Insights for Learners, Teachers and Researchers.* (1990). USA: Newbury House Publishers.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. (2015). Learning Strategies of Arabic Language Vocabulary for Pre-University Students in Malaysia. *Asian Social Science Journal.* Vol.11, No. 10. Canadian Center of Science and Education.
- Krashen. Stephen D. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition.* UK: Pergamon Institute of English.
- Mitchell. Rosamond & Myles. Florence. (1998). *Second Language Learning Theories.* USA: Oxford University Press.
- Nemati. Azadeh. (2009). Memory Vocabulary Learning Strategies and Long-term Retention. *International Journal of Vocational and Technical Education.* Vol.1 (2). 014-024. <http://www.academicjournals.org/ijvte>
- Oxford, Rebecca L. (1990). *Language Strategies: What Every Teacher Should Know.* USA: Heinle, Cengage Learning.
- Radha Nambiar. (1998). *Learning Strategies: A Malaysian Perspective.* UKM: Siri Penerbitan Fakulti Pengajian Bahasa.
- Reed. Stephen.K. *Cognition Theory and Applications.* (2000). USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Rosni bin Samah. (2014). Suggested Strategies for Non Arabic Speakers in Learning Arabic Language. *Pensee Journal.* 232-239.
- Shakarami et.al. (April 2011). Remembering Differently: Use of Memory Strategies Among Net-Generation ESL Learners. *Educational Research and Reviews.* Vol.6(4) pp. 350-357. Website: <http://www.academicjournals.org/ERR>
- Sideh.Ibrohem. (2013). Language Learning Strategies of Arabic Major Students at Prince of Songkla University, Pattani Campus Thailand. *Disertasi Sarjana Pendidikan (Teaching of Arabic to Non-Arabic Speakers).* Gombak: International Islamic University Malaysia, Institute of Education.
- Wenden. Anita. (1991). *Learner Strategies For Learner Autonomy.* ed. Candlin. Christopher N. United Kingdom: Prentice Hall International (UK) Ltd.

## Bibliografi Bahasa Melayu

- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan Azhari & Muhd. Azidan Abd. (2002). *Kamus Istilah Linguistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Rauf Dato' Haji Hassan&Abdul Halim Salleh&Khairul Amin Mohd. Zain. (2005).*Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Anida Abdul Rahman. (2003). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Che Radiah Mezah. (2009). Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab.Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamarul Shukri bin Mat Teh. (2009). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Tesis Phd. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006).Sukatan Pelajaran.
- Maizura Yasin. Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral dalam Kalangan Murid Melayu Tingkatan Empat di Putrajaya, Malaysia. (November 2015). Tesis Phd.Serdang: UPM.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (mulai 2012/2013). Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh (Bahasa Arab).
- Mat Taib Pa. (2007). Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia ed. Mohd. Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Zaki Abd Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). Ciri-ciri Bahasa Arab Fonetik, Morfologi & Sintaksis. Serdang: Univesiti Putra Malaysia.
- Muhammad bin Idris. (2014). Analisis al-Mizan al-Sarfiy Dalam Pembentukan Kata Kerja dan Kata Nama Mushtaq Bahasa Arab. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Munirah binti Jaafar. (2011). Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Nik Safiah Karim et.al. (2013). Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurazan binti Mohmad Rouyan. (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman Talib. (2013). Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Ramli bin Abdul Latif. (2000). Urutan Kata Nama Derivasi Kecil dan Bentuk Pemakaianya. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Fakulti Bahasa dan Linguistik.

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11. (2005). Kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia Menggunakan Nilai Gred Mata Pelajaran Bagi Maksud Pelantikan ke Perkhidmatan Awam. Kerajaan Malaysia JPA(S)324/1 Klt.36(17).

### **Laman Sesawang**

<https://www.alleydog.com/glossary/definition>

9 Jun 2017. 12.29 tengahari.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. [www.prpm.dbp.gov.my/](http://www.prpm.dbp.gov.my/)



## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : \_\_\_\_\_

#### TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI DALAM PENGUASAAN *Ism AL-FĀ’IL DAN*  
*Ism AL-MAF’ŪL DALAM KALANGAN PELAJAR PRAUNIVERSITI*

NAMA PELAJAR : BAHIYAH BINTI A. TALIP

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]